

# Tun M boleh kembali jadi Perdana Menteri

BH-26/2/2020 ml: 6

Perlembagaan beri Seri Paduka kuasa lantik jika disokong majoriti Dewan Rakyat

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad boleh dilantik semula sebagai Perdana Menteri kelapan, sekiranya terus mendapat sokongan majoriti dalam kalangan ahli Dewan Rakyat.

Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Osman, berkata Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri daripada kalangan ahli Dewan Rakyat yang mendapat sokongan majoriti.

“Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, namun beliau masih seorang ahli Dewan Rakyat.

“Peruntukan 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, menyatakan Agong boleh melantik mana-mana ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mendapat sokongan majoriti,” katanya ketika dihubungi *BH*.

Bagaimanapun, Abu Talib menambah, pelantikan itu perlu dilakukan segera bagi membolehkan urusan pentadbiran negara berjalan lancar.

Tambahnya, pada masa sama tiada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan ketika ini yang membolehkan Timbalan Perdana Menteri menggantikan Perdana Menteri secara automatik.

Kelmarin, Ketua Setiausaha Negara, Mohd Zuki Ali, mengesahkan Yang di-Pertuan Agong



**Dr Mahathir tetap menjalankan tugas** seperti biasa di pejabatnya selepas dilantik semula sebagai Perdana Menteri interim di Putrajaya, semalam.



**Abu Talib Osman**

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan melantik Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri interim.

Katanya, pelantikan itu sementara menunggu Perdana Menteri

baharu mengangkat sumpah jawatan, selaras Perkara 43 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, peguam kanan, Haniff Khatri Abdulla, berkata pelantikan Perdana Menteri tidak tertakluk kepada parti yang mempunyai majoriti atau mempunyai kerusi paling banyak, sebaliknya mana-mana ahli Dewan Rakyat boleh dilantik asalkan mendapat sokongan majoriti.

Beliau berkata, mengikut Perlembagaan Persekutuan, walaupun tiada parti majoriti, majoriti ahli Dewan Rakyat boleh memilih seorang daripada mereka.

“Ramai rakyat terkhilaf dengan berpendapat mereka memilih mengikut parti.

“Sebaliknya, pemilihan seorang Perdana Menteri tidak perlu mengikut parti,” katanya ketika dihubungi *BH*, di sini, semalam.

Haniff berkata, Yang di-Pertuan Agong kini perlu memanggil setiap wakil parti politik untuk memberikan pandangan awal masing-masing terhadap calon Perdana Menteri seterusnya.

“Sekarang tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong adalah memikirkan cara terbaik untuk mencari ahli Dewan Rakyat yang disokong secara majoriti walaupun tiada kerajaan majoriti.

“Yakinlah, apabila Agong melaksanakan tanggungjawab perlembagaannya, ia bukan tanggungjawab politik,” katanya.